

Keberkesanan Kaedah Pembelajaran *Think-Pair-Share* dalam Meningkatkan Pencapaian Murid Tahun 4 bagi Mata Pelajaran Sejarah

(The Effectiveness of the Think-Pair-Share Learning Method in Improving the Achievement of Year 4 Students for the History Subject)

Shanmugapriya Rajakumar^{1*} , Anuar Ahmad² 

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: p111551@siswa.ukm.edu.my

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: anuarmd@ukm.edu.my

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Shanmugapriya Rajakumar
(p111551@siswa.ukm.edu.my)

KATA KUNCI:

Think Pair Share
Pencapaian murid
Minat
Kaedah pembelajaran
Sejarah

KEYWORDS:

Think Pair Share
Students achievement
Interest
Learning method
History

CITATION:

Shanmugapriya Rajakumar & Anuar Ahmad. (2023). Keberkesanan Kaedah Pembelajaran Think-Pair-Share dalam Meningkatkan Pencapaian Murid Tahun 4 bagi Mata Pelajaran Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(5), e002178.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i5.2178>

ABSTRAK

Kajian ini menerangkan keberkesanan kaedah pembelajaran *think-pair-share* dalam meningkatkan pencapaian murid tahun 4 bagi subjek sejarah. Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, pendidikan memainkan peranan penting dalam meningkatkan sistem pendidikan yang efektif dan berkesan. Oleh itu, pembelajaran yang melibatkan murid secara aktif dapat meningkatkan minat dalam mempelajari sejarah. Tujuan kajian ini untuk mengetahui keberkesanan kaedah pembelajaran *think-pair-share* dalam meningkatkan pencapaian murid tahun 4 dan mengenal pasti minat murid terhadap penggunaan kaedah *think-pair-share* bagi mata pelajaran sejarah. Instrumen kajian yang digunakan oleh pengkaji adalah ujian pra, ujian pasca dan soal selidik. Peningkatan pencapaian murid tahun 4 dalam menjawab soalan-soalan sejarah dengan menggunakan kaedah pembelajaran *think-pair-share* dapat dilihat melalui dapatan ujian pra dan ujian pasca kajian ini. Ini disokong oleh dapatan soal selidik yang menunjukkan murid lebih minat mempelajari sejarah melalui penggunaan kaedah *think-pair-share* bagi subjek sejarah. Dapatan kajian ini diharap membantu murid mempelajari sejarah dengan lebih efektif.

ABSTRACT

This study explains the effectiveness of the think-pair-share learning method in improving the achievement of year 4 students for the history subject. The purpose of this study is to examine the effectiveness of the think-pair-share learning method in improving the achievement of year 4 students and to identify students' interest in the use of the think-pair-share method for history subjects. Pre-test, post-test and questionnaire used by the researcher as reaserach instruments. Increase in the achievement of year 4 students in answering history questions by using the think-pair-share

learning method showed as the results of pre-test and post-test. This is proved by the findings of the questionnaire which shows that students are more interested to use think-pair-share method in learning history. The results of this study are expected to give positive impacts to the teaching and learning process in the classroom so that pupils can learn history more effectively.

Sumbangan/Keaslian: Pernyataan sumbangan atau keaslian kajian, tidak lebih daripada 50 patah perkataan.

1. Pengenalan

Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, pendidikan memainkan peranan penting dalam meningkatkan sistem pendidikan yang efektif dan berkesan. Pewujudan individu yang menyeluruh dapat dibangunkan menerusi pendidikan dalam bidang akademik, kokurikulum mahupun sahsiah diri ([Kementerian Pendidikan Malaysia, 2022](#)). Melalui pendidikan sejarah, murid boleh mendapat pelbagai pengajaran melalui peristiwa yang telah berlaku pada masa lampau ([Nur Syazwani et al., 2019a](#)). Oleh itu, mata pelajaran Sejarah mula dipelajari oleh semua murid mulai Tahap dua dari Tahun 4 hingga Tahun 6 sebagai salah satu subjek teras dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) ([Kementerian Pendidikan Malaysia, 2022](#)). Manakala, di sekolah menengah pula Sejarah ialah mata pelajaran teras yang wajib dipelajari murid dari Tingkatan Satu hingga ke Tingkatan Lima dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) ([Kementerian Pendidikan Malaysia 2022](#)).

Biasanya, subjek Sejarah adalah antara subjek yang membosankan dan tidak menyeronokkan di dalam kelas ([S. Azman, 2017](#)). Sebagai seorang guru sejarah, guru itu sendiri berperanan dalam menarik minat murid terhadap subjek Sejarah. Dengan adanya kreativiti atau kaedah pembelajaran sejarah yang efektif, sudah pasti dapat menarik perhatian para pelajar ([Nurul Syadiyah & Ramlak, 2020](#)). Kajian juga mendapati bahawa murid kurang meminati mata pelajaran Sejarah disebabkan cara penyampaian guru yang kurang memberangsangkan dan membosankan ([Niveetha et al., 2021](#)). Selain itu, para murid juga berasa kurang bermotivasi untuk menimba ilmu tentang mata pelajaran sejarah kerana kaedah pembelajaran yang digunakan oleh guru kurang berkesan dan masih lagi menggunakan kaedah konvensional.

Guru-guru yang kurang menggunakan kaedah pembelajaran yang berbeza semasa proses pengajaran dan pembelajaran menyebabkan para murid berasa kurang bermotivasi untuk belajar sejarah. Isu guru kurang melaksanakan pendekatan pedagogi yang berbeza dalam pengajaran masih menjadi halangan dalam mempelajari subjek Sejarah. Ianya kerana pendidik hanya menceritakan fakta yang tertera dalam buku teks sedangkan inisiatif dalam menyampaikan kandungan tersirat hasil daripada buku teks jarang dilaksanakan. Pembelajaran guru juga lebih berpusatkan guru menyebabkan murid kurang meminati mata pelajaran sejarah. Ini kerana murid berasa cepat bosan dengan kaedah konvensional yang digunakan oleh guru. Hal ini disebabkan murid kurang bergiat aktif semasa proses PdPC dijalankan kerana aktiviti yang dilaksanakan kurang berpusatkan murid. Melalui ini, kita dapat melihat bahawa penggunaan kaedah pengajaran guru yang sesuai memainkan peranan yang sangat penting dengan tahap kecerdasan dan pengetahuan pelajar dalam subjek sejarah ([Anuar & Nelson, 2015](#)).

Guru yang kurang mahir dalam menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang pelbagai dalam kelas sejarah juga merupakan masalah yang dialami oleh para murid (Muhammad Zulfiqar & Anuar, 2021). Oleh itu, kaedah pembelajaran koperatif seperti *think-pair-share* (TPS) wajar digunakan kerana ianya menunjukkan pencapaian yang bagus dan dapat meningkatkan minat murid untuk belajar sejarah (Chew & Nur Atikah, 2020). Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengetahui tentang keberkesanan kaedah pembelajaran *think-pair-share* dalam meningkatkan pencapaian murid tahun 4 dan mengenal pasti minat murid terhadap penggunaan kaedah *think-pair-share* bagi mata pelajaran sejarah adalah tujuan kajian ini.

2. Sorotan Literatur

2.1. Kaedah Pembelajaran Guru

Kemahiran mengajar guru memainkan peranan dalam melonjakkan prestasi murid dalam subjek sejarah berbanding dengan cara penyampaian dan kebolehan seseorang guru tersebut (Anuar & Nelson, 2015). Melalui kaedah pembelajaran, para murid bergiat aktif kerana berlakunya komunikasi dua hala dan menjadikan proses PdPc menjadi lebih efektif dan menyeronokkan para murid. Kaedah pembelajaran yang pelbagai membolehkan pengajaran guru menyeronokkan dan meningkatkan minat pelajar terhadap subjek sejarah. Ini kerana kaedah ini memastikan para murid berinteraksi sesama mereka dalam menyelesaikan sesuatu masalah manakala guru pula hanya sebagai pembimbing (Chew & Nur Atikah, 2020b).

2.2. Think-Pair-Share

Think-Pair-Share adalah kaedah yang dibangunkan daripada Prof Frank Lyman dan kawan sepasukannya dari Universiti of Maryland, berasaskan pendekatan *structural Kagen*. Kaedah ini direka bentuk untuk mengaktifkan kognitif murid mengenai topik yang diberikan. Kaedah ini juga dibangunkan untuk murid bergiat aktif di dalam bilik darjah. Kaedah pembelajaran *Think-Pair-Share* ini mempunyai tiga urutan yang perlu diikuti iaitu *Think* (berfikir), *Pair* (berpasangan) dan *Share* (berkongsi) (Aziyana & Christina, 2018). Kaedah TPS ini juga boleh dikategorikan sebagai pembelajaran koperatif kerana para murid terlibat secara langsung dalam tugas yang diberikan oleh guru untuk mencapai objektif pembelajaran (Griffen, 2009). Ini kerana murid-murid mempunyai peluang untuk berbincang jawapan bersama rakan dan bergiat aktif semasa proses PdPC. Langkah-langkah ini menolong murid berkomunikasi dengan rakan sepasukan sekali gus meningkatkan tahap penglibatan murid secara maksimum di dalam kelas (Huei & Faridah, 2022).

2.2. Teori Konstruktivisme

Teori ini menekankan perkembangan kognitif murid melalui interaksi sosial. Menurut Vygotsky, terdapat dua tahap perkembangan yang berbeza yang dimiliki oleh seseorang individu. Salah satu tahapnya adalah tahap pembangunan sebenar dan seterusnya pula adalah tahap perkembangan yang berpotensi (AdityaRini & Endang Fauziati, 2021). Teori ini membantu pelajar belajar secara sendiri dengan pertolongan kawan-kawan di dalam kelas. Hal ini kerana segala pembelajaran ini berpusatkan kepada murid dan guru hanyalah sebagai fasilitator. Kaedah *think-pair-share* diimplementasikan berdasarkan Teori Pembelajaran Konstruktivisme di mana proses pembelajaran berlaku melalui interaksi sosial antara rakan sebaya dalam kajian ini (Voon & Amran, 2021). Maka, fokus

kajian ini adalah mengetahui tentang keberkesanan kaedah pembelajaran *think-pair-share* dalam meningkatkan pencapaian murid tahun 4 bagi mata pelajaran sejarah.

3. Metod Kajian

3.1. Reka bentuk kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif untuk mendapatkan maklumat daripada sampel kajian. Kuasi eksperimen digunakan sebagai reka bentuk kajian untuk mengumpul data tentang keberkesanan pembelajaran koperatif menggunakan kaedah *Think-Pair-Share* dalam meningkatkan pencapaian murid melalui ujian pra dan ujian pasca dan borang soal selidik.

3.2. Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian terdiri daripada murid-murid sebuah sekolah rendah kebangsaan di daerah Hulu Langat, Selangor. Terdapat dua kumpulan sampel kajian iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Seramai 40 orang murid terlibat dalam setiap kumpulan ini. Jumlah populasi murid tahun 4 di sekolah tersebut ialah seramai 240 orang. Pengkaji menggunakan kaedah pensampelan rawak mudah dalam kajian ini. Teknik pensampelan rawak mudah dapat memberikan maklumat yang holistik. Pemilihan sampel ini memberikan gambaran sebenar tentang keberkesanan kaedah pembelajaran *think – pair – share* dalam meningkatkan pencapaian murid tahun 4 bagi mata pelajaran sejarah.

3.3. Instrumen Kajian

Dua instrumen telah digunakan oleh pengkaji. Instrumen yang pertama ialah ujian pra dan ujian pasca. Murid-murid diberi ujian pra untuk menguji tahap pencapaian murid tahun 4 bagi mata pelajaran sejarah. Kedua-dua kumpulan peserta kajian iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan diberi ujian yang sama. Kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan menjawab soalan dalam bentuk *google form* yang disediakan oleh pengkaji. Ujian Pencapaian (ujian pasca) diadakan dalam masa dua minggu selepas ujian pra diadakan. Instrumen kajian yang seterusnya adalah borang soal selidik yang berbentuk *google form* bagi memudahkan proses pengedaran. Borang soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu bahagian I terdapat beberapa item berkenaan latar belakang responden dan bahagian II pula adalah berkenaan dengan minat murid terhadap penggunaan kaedah *Think-Pair-Share* dalam meningkatkan pencapaian murid.

4. Hasil Kajian

Data yang diperoleh berdasarkan kepada instrumen yang digunakan iaitu ujian pra dan ujian pasca kepada dua buah kumpulan yang berbeza. Ujian yang dijalankan ini telah dianalisis dengan perisian SPSS versi 23. Keputusan yang diperoleh daripada dapatan kajian ini telah dianalisis bagi menjawab soalan kajian yang telah dinyatakan. Sebelum ujian pra ini dijalankan, pengkaji telah membahagikan para murid kepada dua kumpulan iaitu kumpulan konvensional dan eksperimen. Pengkaji juga memaparkan dapatan data yang diperoleh daripada minggu satu hingga minggu kedua setelah menjalankan sesi pengajaran dengan menggunakan kaedah pembelajaran TPS dalam mata pelajaran sejarah bagi kumpulan konvensional dan eksperimen.

4.1. Profil Responden Kajian

Jadual 1 menunjukkan taburan responden mengikut jantina. Seramai 80 orang responden melibatkan diri dalam kajian ini. Kebanyakan responden kajian ialah terdiri perempuan iaitu seramai 52 orang (65%), manakala selebihnya adalah responden lelaki sebanyak 28 orang (35%). Keputusan ini memperlihatkan bahawa responden perempuan lebih tinggi berbanding responden lelaki.

Jadual 1: Jantina Responden

Latar Belakang	Responden	Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	28	35
	Perempuan	52	65
Jumlah		80	100.0

Jadual 2 menunjukkan taburan kekerapan responden mengikut kaum. Responden kaum yang tertinggi adalah daripada kaum Melayu iaitu sebanyak 75 orang (93.75%), manakala responden yang terdiri daripada kaum India seramai 5 orang (6.25%).

Jadual 2: Kaum Responden

Kaum	Kekerapan	Peratusan (%)
Melayu	75	93.75
India	5	6.25
Jumlah	80	100.0

Jadual 3 menunjukkan taburan kekerapan responden mengikut agama. Kebanyakan responden terdiri daripada agama Islam iaitu sebanyak 75 orang (93.75%), manakala responden yang terdiri daripada agama Hindu seramai 5 orang (6.25%).

Jadual 3: Agama Responden

Agama	Kekerapan	Peratusan (%)
Melayu	75	93.75
Hindu	5	6.25
Jumlah	80	100.0

4.2. Pencapaian ujian pra dan ujian pos bagi kumpulan rawatan

Jadual 4 menunjukkan perbezaan di antara pencapaian murid dalam penggunaan kaedah *think-pair-share* dalam mata pelajaran sejarah. Analisis ujian-t menunjukkan perbandingan skor min sebelum dan selepas proses pembelajaran menggunakan kaedah pembelajaran *think-pair-share* untuk kumpulan rawatan. Hasil analisis dapatan menunjukkan skor min sebelum menggunakan kaedah pembelajaran *think-pair-share* ialah sebanyak 45.40 dan sisihan piawai adalah sebanyak 3.378 manakala skor min selepas menggunakan kaedah pembelajaran *think-pair-share* adalah 49.40 dan sisihan piawai sebanyak 3.733. Ini menunjukkan terdapat peningkatan dari segi pencapaian dengan perbezaan skor min sebanyak 3.5. Keputusan ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di mana nilai $t(39) = -13.784$, $p < .0000$. Keputusan menunjukkan nilai signifikan berada pada aras yang kecil di mana $p < 0.05$.

Jadual 4: Ujian – t terhadap tahap keberkesanan pembelajaran koperatif menggunakan kaedah *Think-Pair-Share* dalam meningkatkan pencapaian murid bagi kumpulan rawatan

Kumpulan Rawatan	n	min	Sisihan piawai	Nilai t
Pra Ujian	40	45.40	3.378	
Pasca Ujian	40	49.40	3.733	-13.784

4.3. Pencapaian ujian pra dan ujian pos bagi kumpulan kawalan

Jadual 5 menunjukkan perbezaan di antara pencapaian murid dalam menggunakan kaedah pembelajaran *think-pair-share* untuk kumpulan kawalan. Hasil analisis dapatan menunjukkan skor min sebelum menggunakan kaedah pembelajaran *think-pair-share* ialah sebanyak 58 dan sisihan piawai adalah sebanyak 4.54 manakala skor min selepas pembelajaran kaedah *think-pair-share* ialah 65.80 dan sisihan piawai sebanyak 5.22. Ini menunjukkan terdapat peningkatan dari segi pencapaian dengan perbezaan skor min sebanyak 0.68. Keputusan ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di mana nilai $t(39) = -7.94$, $p < 0.0000$. Keputusan menunjukkan nilai signifikan berada pada aras yang kecil dimana $p < 0.05$.

Jadual 5: Ujian – t terhadap tahap keberkesanan pembelajaran koperatif menggunakan kaedah *Think-Pair-Share* dalam meningkatkan pencapaian murid bagi kumpulan kawalan

Kumpulan Tradisional	n	min	Sisihan piawai	Nilai t
Ujian Pra	40	58.00	4.542	
Ujian Pasca	40	65.80	5.227	-7.935

4.4. Pencapaian murid kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dalam mengetahui keberkesanan pembelajaran koperatif menggunakan kaedah *Think-Pair-Share* dalam mata pelajaran sejarah

Jadual 6 menunjukkan perbezaan di antara pencapaian murid dalam menggunakan kaedah pembelajaran *think-pair-share*.

Jadual 6: Ujian – t terhadap perbezaan min peningkatan pencapaian murid dalam menggunakan kaedah pembelajaran *Think-Pair-Share* antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen

Kumpulan	n	Min	Sisihan piawai	Nilai t
Kumpulan 1 Kawalan & Eksperimen	40	-4.00	1.298	-13.784
Kumpulan 2 Kawalan & Eksperimen	40	-7.800	4.396	-7.935

Hasil analisis dapatan menunjukkan keputusan analisis ujian – t sebanyak -7.935 yang sangat signifikan pada aras $p < 0.5$. Dapatan ini menjelaskan bahawa terdapatnya perbezaan min peningkatan pencapaian murid secara signifikan di antara kumpulan eksperimen dan kumpulan tradisional. Dengan dapatan ini, [Jadual 6](#) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan min peningkatan pencapaian murid secara signifikan dalam

menggunakan kaedah pembelajaran *Think –Pair –Share* dengan murid kumpulan rawatan. Keputusan ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di mana nilai $t(39)=-7.94, p<.0000$. Keputusan menunjukkan nilai signifikan berada pada aras yang kecil di mana $p<0.05$.

4.5. Minat murid terhadap penggunaan kaedah Think-Pair-Share

Terdapat 8 item bagi melihat minat murid terhadap penggunaan kaedah *Think-Pair-Share* dalam subjek sejarah. Nilai min keseluruhan minat murid terhadap penggunaan kaedah *Think-Pair-Share* dalam subjek sejarah berada dalam tahap yang sederhana iaitu 3.45. Seramai 71 responden iaitu (88.8%) menyatakan bahawa mula menyukai mata pelajaran sejarah setelah menggunakan kaedah *Think-Pair-Share* dan lebih memahami sesuatu fakta dan peristiwa sejarah semasa menggunakan kaedah *Think-Pair-Share* berada dalam tahap yang tinggi iaitu 3.88. Seramai 45 orang responden (56.3 %) sangat setuju manakala 35 orang responden (43.8%) setuju bahawa murid suka menggunakan kaedah *Think-Pair-Share* dalam mata pelajaran sejarah dan juga mempunyai minat untuk belajar sejarah semasa menggunakan kaedah *Think-Pair-Share* dengan nilai min yang sederhana iaitu 3.56. 79 orang responden (98.8%) setuju manakala 1 orang responden (1.3%) sangat setuju bahawa murid suka membuat latihan sejarah kerana dapat menghafal fakta dengan menggunakan kaedah *Think-Pair-Share* dengan nilai min yang sederhana iaitu 3.01.

5. Perbincangan Kajian

Dapatan kajian menunjukkan kaedah pembelajaran menggunakan *think-pair-share* efektif dan dapat digunakan di sekolah untuk meningkatkan pencapaian dan minat murid terhadap subjek sejarah. Dapatan daripada kajian ini juga menyokong kajian [M. Kaviza et al. \(2022\)](#) yang menyatakan bahawa penggunaan kaedah TPS di dalam bilik darjah dapat melonjakkan prestasi dan minat murid dalam subjek sejarah. Seterusnya, dapatan kajian ini juga disokong oleh kajian lepas oleh [Fathin Amirah et al. \(2022\)](#) iaitu pelaksanaan kaedah pembelajaran *Think Pair Share* di bilik darjah dapat meningkatkan penglibatan dan penyertaan murid secara efektif dan tidak membosankan mereka untuk belajar mata pelajaran sejarah. Pelaksanaan kaedah pembelajaran berasaskan *Think Pair Share* perlu diteruskan pada masa hadapan sebagai salah satu kaedah pembelajaran bagi murid darjah empat hingga ke darjah enam serta diperluaskan dalam semua topik dalam subjek Sejarah. Pengkaji berharap agar para guru menggunakan kaedah pembelajaran *Think Pair Share* digunakan dengan lebih kerap bagi memastikan peningkatan pencapaian dan minat murid dalam subjek sejarah.

6. Kesimpulan

Kesimpulannya, kaedah pembelajaran menggunakan *think-pair-share* merupakan salah satu kaedah yang efektif yang boleh digunakan di sekolah untuk meningkatkan pencapaian dan minat murid terhadap mata pelajaran sejarah. Diharapkan dapatan kajian ini memberi panduan kepada warga pendidik sejarah untuk menggunakan *Think Pair Share* di dalam bilik darjah untuk meningkatkan pencapaian dan minat murid terhadap subjek sejarah.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikut kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada responden yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- AdityaRini Kusumaningpuri & Endang Fauziati. (2021). Model Pembelajaran RADEC dalam Perspektif Filsafat Konstruktivisme Vygotsky. *Jurnal Papeda*, 3(2), 103-111.
- Anuar Ahmad & Nelson Jingga. (2015). Pengaruh Kompetensi Kemahiran Guru Dalam Pengajaran Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar Dalam Mata Pelajaran Sejarah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(2), 1-11.
- Azieyana Aziz & Christina Andi. (2018). Penggunaan Strategi Pembelajaran Koperatif untuk Meningkatkan Tahap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 43(1), 1-9.
- Chew Fong Peng & Nur Atikah Ali Jinnah. (2020). Sikap, Motivasi Dan Pelaksanaan Strategi Think-Pair-Share Dalam Pengajaran Kemahiran Menulis Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*, 10(1), 37-47.
- Fathin Amirah Ismail, Jabaidah Bungsu & Masitah Shahril. (2022). Improving Students' Participation and Performance in Building Quantities through Think-Pair-Share Cooperative Learning. *Indonesian Journal of Educational Research and Technology* 3(3), 203-216.
- Griffen Encharang. (2009). Kesan Teknik "Think-Pair-Share" Dalam Kemahiran Menulis Ayat Topik Dan Ayat Huraian Murid Tahun Empat, *Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL*, 15-29
- Huei, S. L. & Faridah Mydin Kutty. (2022). Keberkesanan Think-Pair-Share Terhadap Motivasi dan Penglibatan Murid dalam Penguasaan Penulisan Bahasa Malaysia Sekolah SJK(C). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5), e001517.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2022). *Laporan Tahunan 2015*. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025

- M. Kaviza, Che Saodah Ibrahim & Nasimah Che Noh. (2022). Strategi Think Pair Share dalam Mata Pelajaran Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(10), e001918.
- Muhammad Zulfiqar Mat Lui & Anuar Ahmad. (2021). Minat Murid Terhadap Gaya, Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Guru dalam Pendidikan Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(2), 676.
- Niveetha Mookan, Abdul Razaq Ahmad & Norasmah Othman.(2021). Pendekatan Kepelbagaian Pengajaran Dari Aspek Penyampaian, Alat Bantu Mengajar, Pedagogi Dan Peneguhan Dalam Pembelajaran Sejarah. *Jurnal Dunia Pendidikane*, 3(1), 227-238
- Nur Syazwani Abdul Talib, Kamarulzaman Abdul Ghani & Nur Azuki Yusuff. (2019a). Kaedah Pembelajaran Sejarah Berasaskan Lawatan Ke Muzium. *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 2(1), 45-57.
- Nur Syazwani Abdul Talib, Mohd Mahzan Awang, Kamarulzaman Abdul Ghani & Nur Azuki Yusuff. (2019b). Penggunaan Multimedia Dalam Mata Pelajaran Sejarah. *Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 2(2), 86-98.
- Nurul Syadiyah binti Khairuddin & Ramlak Binti Mialok.(2020). Pembelajaran Berasaskan Permainan Dalam Mata Pelajaran Sejarah Menggunakan Teknik Mnemonik. *Journal of ICT in Education (JICTIE)*, 7(1), 9-15.
- S. Azman Ligun.(2017). Muzium Sebagai Instrumen Pembelajaran Sejarah Luar Bilik Darjah. *Jurnal Kurikulum Pengajaran Pasifik*, 5(1), 19-30.
- Voon, S. H. & Amran, M. S. (2021). Pengaplikasian Teori Pembelajaran Konstruktivisme Dalam Pembelajaran Matematik. *Jurnal Sains Insani*, 6(2), 285.